



TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN BERSAMA
DATUK SERI TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KANAN
JABATAN PERDANA MENTERI BAGI BULAN MEI 2018**

TARIKH: RABU, 30 MEI 2018M / 14 RAMADHAN 1439 H

MASA: 8.30 PAGI

**TEMPAT: AUDITORIUM JABATAN PERDANA MENTERI
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim.

Terima kasih saya ucapkan kepada saudara dan saudari Pengacara Majlis iaitu Saudara Normal Reza bin Noordin dan Saudari Nur Hanani binti Md. Anuar dan Saudara Mohd Najib bin Abidin selaku pembaca doa.

Yang Berbahagia Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan
Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan & Pembangunan);

Yang Berusaha Encik Zakaria bin Shaaban
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan);

Yang Berbahagia Datuk Almalena Sharmila Binti Dato' Dr. Johan
Penasihat Undang-undang JPM

Yang Berbahagia Datuk Kamis bin Samin
Setiausaha Bahagian, Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan
Antarabangsa; dan

Yang Berusaha Encik Rozainor bin Ramli
Setiausaha Bahagian, Bahagian Acara

selaku tuan rumah bersama bagi perhimpunan kita pada pagi ini.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Ketua-Ketua Jabatan, Setiausaha-
Setiausaha Bahagian, Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta hadirin sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Pertamanya, pada pagi yang mulia dan di bulan Ramadhan bersama-sama memanjatkan rasa bersyukur kita kepada Allah S.W.T. kerana dengan berkat dan limpah rahmatNya dapat kita berkesempatan sekali lagi bersama-sama di dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri bagi bulan Mei 2018. Belum terlambat rasanya untuk saya mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dan ibadah-ibadah sunat yang lain sepanjang Bulan Ramadhan Al-Mubarak kali ini. Semoga kita semua terus dikurniakan kesihatan yang baik dan segala amal ibadah yang kita lakukan di sepanjang bulan yang mulia ini diterima oleh Allah S.W.T. jua.

UCAPAN TAHNIAH DAN TERIMA KASIH

2. Seterusnya saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada para penerima Anugerah Penjawat Cemerlang Bagi bulan Mac dan April 2018. Semoga pengiktirafan ini akan menjadi motivasi kepada para penerima serta semua warga Jabatan Perdana Menteri untuk terus komited melaksanakan tugas harian. Bagi yang belum pernah dicalonkan sebagai penerima anugerah ini, gandakan usaha, Insya Allah pada bulan-bulan yang akan datang mungkin giliran tuan/puan pula menyusul.

3. Tahniah juga diucapkan kepada Peminjam Buku Paling Aktif Perpustakaan JPM bagi bulan Mac dan April 2018. Saya berharap budaya membaca dapat disemai dalam kalangan penjawat awam agar dapat mempertingkatkan ilmu pengetahuan, daya kepimpinan, kreativiti, inovasi dan produktiviti.
4. Tahniah dan syabas kepada pegawai dan kakitangan yang telah menerima surat kenaikan pangkat. Suka saya ingatkan tuan-tuan dan puan-puan, kenaikan pangkat ini bukan bererti satu bentuk ganjaran dan pengiktirafan semata-mata, tetapi ia datang bersekali dengan tanggungjawab yang lebih besar dan berat.
5. Tidak lupa juga saya ingin mengucapkan selamat datang kepada warga baru JPM yang telah melaporkan diri sama ada lantikan baru dalam perkhidmatan awam mahupun yang bertukar daripada Kementerian atau Jabatan lain. Harapan saya, tuan-tuan dan puan-puan warga baru JPM dapat mencurahkan khidmat bakti cemerlang tuan puan dengan penuh iltizam dan dedikasi bagi merealisasikan semua inisiatif yang terkandung dalam agenda Perkhidmatan Awam.
6. Pada masa yang sama, saya berterima kasih dan mengucapkan selamat maju jaya kepada warga kerja JPM yang telah bertukar. Tahniah kepada yang telah bertukar atas sebab kenaikan pangkat dan semoga dapat menimba pengalaman di tempat yang baharu. Segala sumbangan dan khidmat bakti yang telah dicurahkan tuan-tuan dan puan-puan amatlah dihargai jua.

Hadirin hadirat yang dihormati,

MALAYSIA BARU : PASCA PILIHAN RAYA UMUM KE-14

7. Alhamdulillah, kita semua telah diberi kesempatan untuk menyaksikan terciptanya satu lagi sejarah negara iaitu mengenai Pasca Pilihan Raya Umum Ke-14 pada detik 9.45 malam, 10 Mei 2018 yang mana Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ketujuh (Ke-7) di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V. Istiadat ini merupakan peristiwa yang amat manis dan bersejarah kerana inilah merupakan kali pertama seorang individu telah dilantik sebagai Perdana Menteri buat kali kedua. Istiadat yang menjadi tumpuan rakyat seluruh pelusuk negara ini adalah susulan daripada kejayaan Pakatan Harapan memenangi 135 daripada 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan dalam Pilihanraya Umum (PRU) Ke-14 sekaligus membentuk Kerajaan Persekutuan yang baharu. Kita sebagai penjawat awam di JPM ini akan terus memastikan apa yang dijanjikan oleh Kerajaan yang memerintah ini akan dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

**INTIPATI UCAPAN YAB PERDANA MENTERI BERSEMPENA
PERJUMPAAN BERSAMA WARGA JPM BULAN MEI 2018**

8. Semasa Perjumpaan kali pertama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama warga JPM bagi Bulan Mei 2018 yang telah diadakan pada 21 Mei 2018 yang lalu, antara perkara yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir bin Mohamad adalah rasa kecewa beliau kerana kreadibiliti penjawat awam yang ada telah merosot di mata atau persepsi sama ada di peringkat domestik dan peringkat antarabangsa. Jadi, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan agar persepsi ini dapat kita pulihkan semula. YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad telah menyeru agar kita sama-sama dengan kerajaan yang telah dipilih oleh rakyat ini untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk membetulkan semula persepsi yang telah kita terima pada ketika ini.

9. YAB Tun juga telah menekankan beberapa perkara khususnya kepada penjawat awam pasca pertukaran kerajaan persekutuan. Antara intipati ucapan beliau adalah seperti berikut:
 - i. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan pentadbiran dasar demokratik, perpisahan antara tiga kuasa iaitu Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman perlu dikekalkan bagi memastikan adanya *check and balance* dan mengelakkan penyelewengan serta salah urus tadbir dalam pentadbiran negara. Ketiga-tiga

kuasa ini hendaklah diletakkan di dalam acuan masing-masing agar boleh menjalankan fungsi dan tanggungjawab dengan telus dan bebas tanpa sebarang campur tangan dan diganggu gugat oleh mana-mana pihak;

- ii. Pentadbiran negara yang terdiri daripada wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat dan penjawat awam (pentadbir) hendaklah berpegang kepada ikrar untuk berkhidmat kepada negara tanpa dipesongkan oleh lain-lain perkara yang bertentangan dengan undang-undang negara. Dalam masa yang sama, kritikan dan teguran kepada pihak kerajaan boleh dilakukan mengikut lunas peraturan sedia ada;
- iii. Penjawat awam (pentadbir) khususnya di Jabatan Perdana Menteri perlu meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan ilmu dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, pelabur asing dan lain-lain. Ini penting untuk meletakkan perubahan kepada negara ke arah yang lebih baik tanpa meningkatkan sebarang kos pentadbiran dengan menggunakan institusi yang sedia ada sepenuhnya secara efisien;
- iv. Sebarang perbuatan yang salah mestilah diuruskan mengikut undang-undang negara. Hal ini penting untuk mewujudkan pentadbiran yang lebih bersih, dikenali, efisien dan maju. Perlembagaan negara yang sekian lama telah berjaya menyusun pentadbiran perlu terus dihormati. Undang-undang

yang sedia ada bukan sahaja untuk memberi kuasa kepada kerajaan yang memerintah semata-mata, malah diwujudkan untuk melindungi rakyat daripada sebarang jenayah yang dilakukan oleh mana-mana pihak termasuk jenayah yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Dalam hubungan ini, *the rules of law* adalah elemen terpenting dalam menjayakan sebuah pentadbiran demokratik;

- v. Pendirian kerajaan untuk menangani beberapa isu utama yang dihadapi oleh negara dalam masa terdekat hanya dapat dilaksanakan melalui acuan pentadbiran yang cekap, efisien dan amanah serta kerjasama yang teguh daripada semua penjawat awam (pentadbir) negara khususnya di Jabatan Perdana Menteri dan di kementerian-kementerian yang lain amnya.
10. Secara realitinya amanah yang digalas oleh kita semua sebagai penjawat awam amatlah besar. Kejayaan atau kegagalan pelaksanaan sesuatu dasar atau keputusan yang dibuat oleh kerajaan adalah bergantung kepada penjawat awam. Tidak dinafikan juga di atas bahu penjawat awam terletaknya masa depan kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Justeru, saya menyeru diri sendiri serta hadirin hadirat sekalian untuk memberi sokongan dan kesetiaan secara penuh profesional kepada kerajaan yang memerintah.
11. Dalam pada masa yang sama, amalan kerja yang cekap, efisien dan amanah perlu disematkan sebagai asas jatidiri setiap penjawat awam

dalam menggalas dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diberikan. Budaya kerja sebegini bukan sahaja mencerminkan identiti penjawat awam yang cemerlang malahan akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap prestasi kerajaan yang sedia ada.

YBhg Datuk/Tuan/Puan yang saya hormati,

PENUTUP

12. Saya dimaklumkan juga selepas ini ada sesi perkongsian ilmu yang akan disampaikan oleh Al-Fadil Ustaz Hariri bin Haji Mohamad Daud daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berkaitan dengan kemuliaan Bulan Ramadhan, peristiwa Nuzul Quran serta kepentingan menjaga ukhwah sesama insan tanpa mengira bangsa dan agama. Adalah diharapkan kita semua akan beroleh manfaat akan segala ilmu yang akan dikongsikan kepada kita sebentar nanti, insyaAllah.

13. Bagi mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan syabas dan terima kasih kepada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa dan Bahagian Acara selaku pihak penganjur bersama dan semua yang terlibat dalam menjayakan program perhimpunan pagi ini dan juga kepada semua warga JPM yang telah hadir. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan

Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Bagi mereka yang akan pulang ke kampung halaman, suka untuk saya mengingatkan agar berhati-hati dalam perjalanan dan semoga selamat pergi dan kembali semula untuk bertugas. Insya Allah, semoga kita berjumpa lagi pada masa dan waktu yang akan datang.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah,

Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.